

JAWAPAN

PELAJARAN
17

Zakat Penyuci Harta

1. Maksud:

Dari segi bahasa: Subur, suci, berkat dan berkembang.

Dari segi istilah: Mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerima dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Hukum: Hukum mengeluarkan zakat ialah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi segala syarat-syarat wajib.

Terjemahan dalil: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk)". (Surah at-Taubah, ayat 103)

2. (a) Islam

- (b) Merdeka
- (c) Cukup hisab
- (d) Sempurna milik
- (e) Cukup haul

3. (a) Zakat emas, perak dan mata wang

- (b) Zakat perniagaan
- (c) Zakat tanaman dan buah-buahan
- (d) Zakat penternakan
- (e) Zakat harta rikaz dan galian

4. (a) Fakir

- (b) Mualaf
- (c) Orang yang ber hutang
- (d) Ibnuusabil
- (e) Fi sabilillah
- (f) Hamba
- (g) Amil
- (h) Miskin

5. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. D | 2. D | 3. D | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. D | 8. D | | |

Bahagian D

- 1. (a) 1. Fakir
- 2. Miskin

(ii) Pada pendapat saya, masalah ini berlaku kerana sikap individu yang menguruskan hal dana tersebut. Akibat kekurangan ilmu agama dan tidak mempunyai iman yang mantap dalam diri menyebabkan mereka mudah terjebak ke arah penyelewengan dana zakat terutama apabila melihat jumlah dana yang tinggi yang mereka peroleh. Tidak mengaplikasikan sifat amanah dalam diri juga menimbulkan permasalahan ini. Oleh itu, kita hendaklah menjaga iman dan amanah kita apabila menjalankan sesuatu tugas agar tidak wujudnya penyalahgunaan kuasa.

- (b) (i) Wajib
- (ii) Wajib
- (iii) Wajib
- (iv) Wajib
- (c) (i) ✓
- (ii) ✓
- (iii) X
- (d) (i) Dipelihara di padang terbuka.
- (ii) Binatang ternakan bukan digunakan untuk bekerja seperti membajak, memikul barang, mengepam air dan sebagainya.
- (e) (i) Miskin
- (ii) 2.7
- (iii) Galian

POWER KBAT

- 1. Kurangnya didikan agama yang secukupnya mengenai kewajipan mengeluarkan zakat harta menyebabkan segelintir masyarakat mengabaikannya. Kesannya, harta yang diperolehi tidak dapat membantu kesusahan orang lain. Oleh itu, kita hendaklah mengeluarkan zakat harta apabila sudah cukup syarat supaya dapat membantu ekonomi negara.
- 2. Pengeluaran zakat harta oleh orang Islam yang telah memenuhi syarat kepada orang yang memerlukan dapat memperbaiki taraf hidup mereka. Hal ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan umat Islam melalui sikap tolong-menolong itu. Oleh itu, kita hendaklah mengeluarkan zakat harta apabila cukup syarat supaya dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama umat.
- 3. Zakat adalah sebagai peringatan kepada umat Islam dalam menguruskan harta dengan betul kerana semua rezeki yang datang itu sebenarnya adalah hak mutlak Allah SWT dan sebagai pembersihan diri daripada perkara mazmumah seperti bakhil, kedekut dan kurang prihatin terhadap nasib golongan lebih memerlukan. Oleh itu, kita hendaklah menunaikan kewajipan zakat bagi memenuhi tuntutan rukun Iman yang ketiga.